

# SOALAN LAZIM VAKSIN COVID-19

## APA ITU COVID-19?

Penyakit COVID-19 disebabkan oleh coronavirus yang disebut SARS-CoV-2. Gejala mungkin muncul 2 hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala yang mungkin dialami adalah:

- demam atau menggigil;
- batuk;
- sesak nafas;
- keletihan;
- sakit otot atau badan;
- sakit kepala;
- kehilangan deria rasa baru atau bau;
- sakit tekak;
- kesesakan atau hidung berair;
- loya atau muntah; atau
- cirit-birit.

## SIAPAKAH GOLONGAN BERISIKO TINGGI UNTUK MENDAPAT JANGKITAN COVID-19?

Golongan berisiko adalah:

- Kanak-kanak
- Warga emas berusia 65 tahun ke atas
- Pesakit dengan penyakit kronik
- Pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah
- Wanita hamil

## APAKAH KEPENTINGAN MENGAMBIL VAKSIN COVID 19?

Vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19. Apabila semakin ramai orang mendapat vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Secara tidak langsung ia boleh melindungi golongan yang berisiko yang tidak layak menerima vaksinasi.

## APAKAH JENIS VAKSIN YANG AKAN DIGUNAKAN DI MALAYSIA?

- Terdapat beberapa jenis yang akan digunakan di Malaysia iaitu:
- Vaksin Covid-19 mRNA keluaran Pfizer-BioNtech
- Vaksin Covid-19 viral vector keluaran Astra Zeneka
- Vaksin Covid-19 inactivated keluaran Sinovac
- Vaksin Covid-19 recombinant viral vector keluaran Cansino
- Vaksin Covid-19 viral vector keluaran Gamaleya

## APAKAH HUKUM PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19?

Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## **ADAKAH SAYA DIBERI PILIHAN UNTUK MEMILIH JENIS VAKSIN COVID-19?**

Tidak. Penerima vaksin tidak dibenarkan untuk memilih jenis vaksin COVID-19 yang akan diterima. Ianya bergantung kepada bekalan stok sedia ada di pusat vaksina

## **APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?**

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

1. Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
2. Anda mesti memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya anda mengalami tanda-tanda berikut selepas menerima vaksin COVID 19:
  - Kesukaran bernafas
  - Pembengkakan muka, bibir dan tekak
  - Denyutan jantung yang sangat cepat
  - Ruam teruk timbul di seluruh badan
  - Merasa pening dan lemah tubuh badan
3. Penerima vaksin perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.
4. Anda perlu menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan. Apabila anda mendapat dos pertama, anda akan diberi kad vaksinasi untuk menunjukkan bila anda perlu mendapatkan dos kedua Vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech.

## **ADAKAH SAYA AKAN DILINDUNGI SEPENUHNYA SELEPAS MENERIMA VAKSIN COVID-19 PFIZER-BIONTECH?**

Vaksin akan mula menunjukkan keberkesanan melalui peningkatan antibodi dalam badan bermula dari hari ke-12 selepas dos pertama diberikan. Pembentukan antibodi akan meningkat secara mendadak selepas pemberian dos kedua. Ini bermakna, seseorang akan dilindungi secara optima selepas menerima kedua-dua dos untuk mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang serius. Walaupun seseorang itu telah menerima dos lengkap vaksin, beliau masih perlu mengamalkan langkah pencegahan seperti mengamalkan 3W iaitu Wash, Wear, Warn dan mengelakkan 3C iaitu mengelakkan Confined space (Sempit), Crowded (Sesak) dan Close conversation (Sembang dekat). Walau bagaimanapun, pada masa ini, tempoh perlindungan jangka panjang terhadap COVID-19 masih belum diketahui.

## **BOLEHKAH SAYA MENOLAK UNTUK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 PFIZER- BIONTECH?**

Anda boleh memilih untuk tidak menerima vaksin kerana penerimaan vaksin COVID-19 ini adalah secara sukarela. Sekiranya anda adalah petugas barisan hadapan, mempunyai penyakit kronik dan warga emas, penerimaan vaksin ini boleh mengurangkan risiko keterukan penyakit apabila anda dijangkiti

## **SEKIRANYA SAYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN?**

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan selain yang telah dinyatakan di atas, sila lapor ke klinik kesihatan terdekat dan dapatkan rawatan dengan segera. Terdapat kemungkinan kesan sampingan yang lain yang belum dilaporkan.

## **BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN VAKSIN?**

1. Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila bertanya kepada petugas kesihatan berhampiran
2. Anda juga melayari laman sesawang yang mengandungi maklumat yang lebih tepat dan dipercayai seperti:
  - WHO : [www.who.int](http://www.who.int)
  - CDC : <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html>.
  - FDA : <https://www.fda.gov/emergency-preparedness-and-response/mcmlegal-regulatory-and-policy-framework/emergency-use-authorization>

## SOALAN LAZIM MENGENAI DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19

### APA ITU DOS PENGGALAK (BOOSTER DOSE)?

Dos penggalak atau Booster Dose adalah dos tambahan yang diberikan kepada individu yang telah lengkap menerima vaksin COVID-19.

### APA TUJUAN DOS PENGGALAK?

Penerima vaksin lengkap mendapat perlindungan daripada penyakit COVID-19 terutamanya gejala teruk dan kematian. Walau bagaimanapun, setelah suatu tempoh, perlindungan tersebut berkurangan. Justeru, dos penggalak diberi untuk meningkatkan semula perlindungan tersebut.

### SIAPA YANG PATUT DAPAT DOS PENGGALAK?

Dos penggalak akan diberikan kepada individu dewasa berumur 18 tahun dan ke atas dengan keutamaan kepada kumpulan rentan dan berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19 selepas vaksinasi lengkap (*breakthrough infection*) seperti:

- i. Petugas barisan hadapan (anggota kesihatan dan bukan kesihatan)
- ii. Penghuni dan petugas di pusat jagaan kesihatan jangka panjang seperti pusat penjagaan warga emas dan sebagainya
- iii. Individu dengan komorbiditi
- iv. Ibu mengandung
- v. Keperluan ke luar negara

### ADAKAH WAJIB MENGAMBIL DOS PENGGALAK?

Walaupun dos penggalak bukan wajib, adalah amat disarankan untuk mengambil dos penggalak bagi memastikan perlindungan yang optimum terhadap jangkitan COVID-19 terutamanya gejala teruk dan kematian.

### ADAKAH DOS PENGGALAK MELINDUNGI SAYA DARIPADA VARIAN-VARIAN BARU?

Dos penggalak memberi perlindungan terhadap semua varian COVID-19 sedia ada.

### APAKAH JENIS VAKSIN YANG AKAN DIBERIKAN SEBAGAI DOS PENGGALAK DAN BILAKAH MASA UNTUK MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?

Pada masa ini, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah meluluskan beberapa jenis vaksin di Malaysia. Tempoh penerimaan dos penggalak adalah berbeza berdasarkan jenis vaksin lengkap atau dos primer yang telah diterima.

Jenis vaksin yang diterima	Tempoh masa pemberian dos penggalak	Jenis vaksin yang disyorkan
Comirnaty (Pfizer)	3 bulan selepas dos 2	Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca
AstraZeneca		AstraZeneca atau ; Comirnaty (Pfizer)
Coronovac (Sinovac)		Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca atau ; Coronovac (Sinovac)
Covilo (Sinopharm)		Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca
Spikevax (Moderna)		Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca
Sputnik V		Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca
Convidecia (CanSino)	3 bulan selepas dos 1	Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca
Janssen (Johnson & Johnson)	2 bulan selepas dos 1	Comirnaty (Pfizer) atau ; AstraZeneca

(PEMBERIAN DOS PENGGALAK VAKSIN COVID-19 SECARA HOMOLOGOUS ATAU HETEROLOGOUS)

## **BERAPA LAMAKAH TEMPOH PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN OLEH DOS PENGGALAK?**

Tempoh perlindungan yang diberikan oleh dos penggalak tidak dapat ditentukan buat masa kini kerana bukti dan maklumat masih belum mencukupi.

## **APAKAH KEKERAPAN PENERIMAAN DOS PENGGALAK?**

Berdasarkan maklumat terkini, satu dos penggalak adalah memadai.

## **SEKIRANYA SAYA MENDAPAT KESAN SAMPINGAN SUSULAN PENERIMAAN DOS KEDUA VAKSIN COVID-19, ADAKAH SAYA BOLEH MENGAMBIL DOS PENGGALAK?**

Ya, anda masih boleh mengambil dos penggalak. Walau bagaimanapun, anda perlu dapatkan nasihat doktor terlebih dahulu agar penilaian sebenar dapat dibuat serta tempat pemberian penggalak dapat ditentukan kerana anda mungkin memerlukan pemerhatian rapi semasa pengambilan dos penggalak tersebut.

## **KENAPA MALAYSIA TIDAK MENGIKUT SARANAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (*WORLD HEALTH ORGANIZATION - WHO*) DALAM PEMBERIAN DOS PENGGALAK?**

Pihak WHO tidak menentang pemberian dos penggalak. Pihak WHO mengutamakan akses vaksin yang adil untuk semua penduduk di seluruh dunia dan mengesyorkan keutamaan diberikan kepada kumpulan berisiko tinggi dengan moto "*No one is safe until everyone is safe*".

## **BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAFTAR UNTUK DOS PENGGALAK?**

Anda tidak perlu mendaftar untuk mendapat dos penggalak. Aplikasi MySejahtera akan memaklumkan tarikh janji temu untuk anda pergi ke fasiliti kesihatan yang terlibat.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya telah sampai masa untuk menerima dos penggalak (rujuk jadual di soalan 6) dan terdapat keperluan segera (rujuk soalan 3) anda boleh menghubungi fasiliti kesihatan yang disenaraikan dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu <https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19> atau di laman sesawang ProtectHealth iaitu <https://protecthealth.com.my/> untuk didaftarkan dalam senarai menunggu (*backup list*) dan diberi vaksinasi secepat mungkin.

## **ADAKAH SAYA PERLU BAYAR UNTUK DOS PENGGALAK?**

Buat masa kini, dos penggalak adalah di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Maka ia adalah percuma. Namun begitu, ada fasiliti kesihatan swasta yang memberi dos penggalak berbayar. Justeru, adalah disarankan untuk mendapat maklumat lanjut dari fasiliti kesihatan swasta tersebut.

## **DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?**

Senarai fasiliti kesihatan awam dan swasta yang terlibat dengan pemberian dos penggalak boleh didapati di laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu <https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19> atau di laman sesawang ProtectHealth iaitu <https://protecthealth.com.my/>

## **ADAKAH SAYA BOLEH WALK-IN UNTUK MENERIMA DOS PENGGALAK DI MANA-MANA FASILITI KESIHATAN?**

Tidak buat masa kini. Anda akan menerima tarikh janji temu melalui aplikasi MySejahtera dengan maklumat fasiliti kesihatan yang akan memberi dos penggalak kepada anda.

## **BAGAIMANA JIKA SAYA TERLEPAS TARIKH JANJI TEMU?**

Sekiranya anda terlepas tarikh janji temu, anda boleh menghubungi fasiliti kesihatan swasta yang disenaraikan di laman sesawang ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. untuk mendapat tarikh janji temu baru.

## **APAKAH PERSEDIAAN SEBELUM MENDAPATKAN DOS PENGGALAK?**

Antara perkara yang perlu diambil kira sebagai persediaan sebelum ke tempat vaksinasi termasuklah:

- Tidur secukupnya
- Mengambil sarapan / makan tengah hari sebelum ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV)
- Sihat tubuh badan dan tiada gejala
- Memakai pakaian yang sesuai dan sopan
- Memakai pelitup muka
- Membawa kad pengenalan atau dokumen pengenalan diri
- Membawa kad vaksinasi sebagai bukti anda telah mendapat dos lengkap sekiranya tiada aplikasi MySejahtera
- Bukan dalam tempoh kuarantin

## **APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA DOS PENGGALAK?**

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

- Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya selama 15 minit.
- Memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya mengalami tandatanda kesan sampingan yang teruk selepas menerima vaksin COVID-19.
- Penerima vaksin perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.
- Menyimpan kad vaksinasi yang diberi oleh anggota kesihatan.
- Elakkan aktiviti lasak dalam tempoh seminggu.

## **APAKAH KESAN SAMPINGAN SELEPAS DOS PENGGALAK?**

Kesan sampingan bagi dos penggalak adalah sama seperti kesan sampingan suntikan vaksin COVID-19 yang sebelum ini diantaranya demam, keletihan dan kesakitan pada otot. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan dan boleh sembuh sendiri atau dikurangkan dengan pengambilan ubat-ubatan seperti paracetamol. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir individu mendapat kesan sampingan yang lebih teruk seperti pericarditis. Sila rujuk ke fasiliti kesihatan yang berhampiran dengan SEGERA sekiranya kesan sampingan adalah berpanjangan atau serius. Kesan sampingan yang dialami perlu dilaporkan melalui aplikasi MySejahtera.

## **ADAKAH SAYA PATUT MENERIMA DOS PENGGALAK SECARA HOMOLOGOUS (VAKSIN JENIS YANG SAMA) ATAU HETEROLOGOUS (VAKSIN JENIS YANG BERLAINAN)?**

Berdasarkan kajian-kajian terbaru, individu boleh menerima dos penggalak vaksin COVID-19 secara homologous atau heterologous.

## **ADAKAH TERDAPAT RISIKO SEKIRANYA SAYA MENERIMA PENGGALAK VAKSIN COVID-19 SECARA HETEROLOGOUS?**

Tiada risiko dilaporkan susulan penerimaan penggalak vaksin berdasarkan pelaporan daripada kajian-kajian yang dijalankan.

**ADAKAH DOS PENGGALAK SELAMAT UNTUK SESEORANG YANG MAHU MENGANDUNG, SEDANG MENGANDUNG ATAU SEDANG MENYUSU BAYI?**

Ya, dos penggalak adalah selamat diambil oleh mereka yang merancang untuk mengandung dan sedang menyusukan bayi serta tiada tempoh masa ditetapkan untuk mengambilnya. Walau begitu, mereka yang mengandung disyorkan untuk ambil dos penggalak jenis Pfizer pada minggu ke-12 dan ke atas.

**SEKIRANYA SAYA INGIN MENDAPATKAN JENIS VAKSIN YANG BERLAINAN DARIPADA YANG DITAWARKAN UNTUK DOS PENGGALAK (CONTOHNYA KERANA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN DARIPADA PENERIMAAN VAKSIN DOS LENGKAP SEBELUM INI), APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN?**

Sila maklumkan kepada petugas kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekiranya anda mempunyai kesan sampingan semasa menerima vaksin COVID-19 sebelum ini. Petugas kesihatan akan menilai status kesihatan anda dan akan membuat penilaian bagi menentukan sama ada anda layak atau tidak untuk menerima dos penggalak.